

BAB 3: RUMUS ALGEBRA

3.1 Rumus Algebra (Part 1)

1. Pilih rumus algebra yang betul berdasarkan situasi yang diberi.

(TP 2)

$$x = \text{RM}0.1st$$

$$y = \frac{100}{k}$$

$$A = b^2 + c$$

$$x = 2s+t$$

$$z = 5.9x + 3.6y$$

$$S = 3g + 2k$$

$$b = \frac{24p - 7}{q}$$

$$P = 0.85 (35m + 76n)$$

a) Jumlah harga, RMz yang perlu dibayar oleh seorang pembeli yang membeli x buah buku kerja dan y kotak set geometri. Setiap buku kerja dan set geometri masing-masing berharga RM5.90 dan RM3.60.	
b) Kasut A dijual dengan harga RM35 sepasang, manakala kasut B berharga RM76 sepasang. Kedai Kasut You menawarkan diskaun sebanyak 15% untuk pembelian dua pasang kasut. Kasut A dan Kasut B boleh dicampur bilangannya. Rania membeli m pasang Kasut A dan n pasang Kasut B. Hitung harga yang perlu dibayar, P dalam sebutan m dan n.	
c) Ah Hong menjual semua g nenas dengan harga RM3 sebiji dan k epal dengan harga RM2 sebiji di gerai jualannya. Bentukkan satu rumus untuk mewakili jumlah jualannya, S.	
d) Dalam suatu jamuan kelas, seorang guru membeli p karton minuman tin untuk diagihkan kepada q orang murid. Daripada sejumlah minuman tin tersebut, tujuh tin dikeluarkan untuk dibahagi kepada guru mata pelajaran. Jika satu karton mengandungi 24 tin minuman, hitung bilangan tin minuman yang diterima oleh setiap murid, b dalam sebutan p dan q.	
e) Kos untuk sehelai baju sukan sekolah ialah y. Jumlah kos untuk k helai baju sukan sekolah ialah RM100. Bentukkan satu rumus untuk mewakili kos sehelai baju sukan sekolah.	
f) Sebuah kereta mampu bergerak sejauh 10 km dengan isian petrol sebanyak satu liter. Ungkapkan kos petrol, RMx yang perlu diisi untuk perjalanan sejauh s km jika satu liter petrol berharga RMt.	